

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 11 OGOS 2020 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian lokasi termasuk kos pembekalan 14 Projek Perumahan Rakyat (**PPR**) baharu yang akan dilaksanakan mulai tahun 2020. Apakah perkembangan proses penjenamaan semula dan model kewangan yang bakal dipraktikkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rolling Plan Ke-4 (RP4) Tahun 2020, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) tiada projek baharu bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, terdapat 11 projek PPR sedia ada baharu dengan anggaran kos berjumlah RM890 juta telah diluluskan untuk diteruskan pelaksanaannya di beberapa negeri iaitu di Johor, Negeri Sembilan, Perlis, Terengganu, Pahang, Kelantan dan Sabah.

2. Jemaah Menteri pada 20 Mei 2020 juga bersetuju supaya pelaksanaan 11 projek PPR sedia ada baharu ini mengikut ciri-ciri asas Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 5 projek PPR akan mula dilaksanakan pada tahun 2020.

3. Penjenamaan semula PPR kepada Rumah Malaysia (Sewa) akan bermula bagi projek-projek di bawah RMKe-12 dan model kewangan bagi projek Rumah Malaysia (Sewa) akan dibiayai melalui peruntukan pembangunan tertakluk kepada kelulusan Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.